

---

**SURAT EDARAN JPA.SARAAN(S) 43/35 Jld.9(18)**

---

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 6 TAHUN 2019  
CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU SIAM  
(SONGKRAN) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG  
BERKETURUNAN SIAM**

---

[Telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti  
Kali Ke-67 (Bil. 3/2019) pada 25 Julai 2019]

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf mengenai penerimaan pakai surat edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam tahun 2019 – Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Tahun Baru Siam (Songkran) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berketurunan Siam.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Melalui surat edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam rujukan JPA.SARAAN(S) 43/35 JLD.9(18) bertarikh 25 April 2019 memaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya pegawai perkhidmatan awam yang berketurunan Siam diberikan kemudahan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari sempena perayaan Tahun Baru Siam (Songkran) pada 13 April setiap tahun mulai tahun 2020.

### **3.0 PELAKSANAANNYA**

- 3.1 Kemudahan cuti tanpa rekod sempena perayaan Tahun Baru Siam (Songkran) bagi staf yang berketurunan Siam diberi kemudahan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari pada **13 April setiap tahun mulai tahun 2020**.
- 3.2 Kemudahan cuti tanpa rekod ini adalah terpakai kepada semua staf yang berketurunan Siam yang dilantik di UniMAP.

### **4.0 PEMAKAIAN**

- 4.1 Pekeliling ini dipanjangkan pemakaiannya kepada semua lantikan staf UniMAP.

### **5.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

- 5.1 Ketua Jabatan hendaklah memastikan kemudahan ini diberikan mengikut pelaksanaan pada para 3.0 di atas.

### **6.0 TARIKH KUAT KUASA**

- 6.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada 13 April setiap tahun mulai tahun 2020 .

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**  
'Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan'

Saya yang menjalankan amanah



**(HJ. MOHD SAAD BIN DIN)**

Pendaftar